

PEMIKIRAN DAKWAH TUAN GURU NIK ABDUL AZIZ NIK MAT TERHADAP MASYARAKAT DI KELANTAN

Muhammad Yusuf Marlon Abdullah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
yusufmarlon@kuis.edu.my

Ahmad A'toa' Bin Mokhtar
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
ahmadatoa@kuis.edu.my

ABSTRAK

Tuan Guru Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat merupakan seorang tokoh yang mempunyai pemikiran dan pandangan jauh dalam mengorak langkah terhadap memartabatkan Islam di Kelantan khususnya. Kajian ini akan menilai sejauhmanakah pemikiran dakwah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat dalam membawa imej Islam terhadap pentadbirannya di negeri Kelantan selama 23 tahun sebagai Menteri Besar. Isu dan permasalahan yang ingin diketengahkan dalam kertas kerja ini ialah kemampuan beliau membawa imej Islam dan merubah pentadbiran kerajaan negeri berlandaskan Islam atau dengan kata lain 'membangun bersama Islam'. Tujuan kajian ini ialah menganalisis pemikiran dakwah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat dalam masyarakat di negeri Kelantan. Hasil kajian mendapati bahawa beliau berjaya mengetengahkan beberapa isu besar dalam memartabatkan agama Islam seperti pelaksanaan hukum hudud, pengharaman judi dan arak, hidup toleransi dan harmoni bersama bukan Muslim, menghentikan urusan jual beli di waktu fardhu maghrib dan sebagainya. Implikasi daripada kajian ini ialah sebagai orang Muslim yang terlibat dengan politik boleh mengambil contoh gaya pemikiran dan kepimpinan beliau.

Kata Kunci: *Pemikiran, Dakwah, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, Masyarakat, Kelantan*

Pengenalan

Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz bin Nik Mat merupakan tokoh ulama yang tidak asing lagi dalam politik tanah air. Beliau menjadi lebih terkenal selepas dilantik menjadi Menteri Besar Negeri Kelantan. Beliau juga merupakan seorang tokoh atau pemimpin yang mempunyai sifat kewibawaan, cekal, mempunyai pandangan yang jauh dalam mengorak langkah dalam kepimpinan serta menguasai segala bidang ilmu agama, pemimpin yang berintegriti, muslim yang bercita-cita tinggi dan aktivis sosial yang aktif dalam perjuangan ilmu. Keperibadian Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat telah menjadikan beliau seorang yang dihormati oleh masyarakat kawan mahu pun pihak lawan (Ahmad Safuan Bin Abd Rahman, 2017).

Pengaruh dan ketokohan bekas Mursyidul Am Parti Islam Se-Malaysia ini telah diakui dunia sehingga beliau termasuk dari mereka yang tersenarai dalam buku '50 Tokoh Islam

Berpengaruh Di Dunia'. Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Matamat berkomitmen dalam bidang pendakwahnya dan politik Islam. Walaupun beliau berada di barisan pihak pembangkang, namun hal ini tidak menjadikan beliau senang untuk mudah berputus asa menghadapi lumrah hidup sebagai seorang pemimpin. Beliau amat memerlukan kesungguhan dan kecekapan dalam setiap kepimpinan yang dijalankan. Sebagai seorang menteri besar, Tuan Guru Nik Abdul Aziz telah menjalankan reformasi ke atas dasar kepimpinan yang berteraskan Al- Quran dan As- Sunnah dalam pelbagai aspek ekonomi, sosial, dan politik (Sassuliza Bt Muhmad, 2008).

Oleh itu, kajian ini akan memberi penekanan kepada pemikiran Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam dakwahnya terhadap masyarakat dengan lebih terperinci dalam syaria Islam diseluruh negara dan khususnya di Malaysia. Ianya bagi merealisasikan peningkatan sahsiah diri, akhlak dan disiplin dan seterusnya mencapai matlamat unggul untuk mencapai keredha Allah SWT.

Masalah Kajian

Dakwah pada masa kini boleh diterjemahkan sebagai usaha memperkenalkan Islam kepada umat manusia, agar masyarakat kini jelas memahaminya dengan dapat memberi respon yang positif tanpa ada kecurigaan dan keraguan. Hal ini. Masyarakat kini acap kali terdedah dengan tipu helah pemimpin yang kurang dari segi ilmunya, kurang amanah dan tanggungjawabnya yang diberi untuk berdakwah kepada masyarakat.

“Serambi Mekah dan Bumi tadahan wahyu” dua sebutan yang menggambarkan “wajah” unik keislaman di negeri Kelantan hasil lakaran sejarah oleh ratusan ulamak tersohor bermula penghujung abad ke 18. Sejarah para tokoh ulama yang telah berperanan melaksanakan syariat Islam dalam pemerintahan, pentadbiran, ekonomi dan politik dan sosial di zaman kegemilangan, kini berjaya diulang kembali oleh Tuan Guru Dato’ Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat bermula bulan Oktober 1990 apabila beliau diamanahkan sebagai seorang ketua kerajaan bersumberkan perintah agama, bahawa amanah terhadap rakyat bukan sekadar menjamin kesejahteraan di dunia, malah memastikan nasib rakyat di akhirat nanti turut terjamin. Hal ini, ketokohnya amat diperlukan bahkan pendekatannya telah memberi kesan yang mendalam ke atas umat Islam kini (Ahmad Safuan Bin Abd Rahman, 2017).

Selain itu, Tuan Guru Nik Abdul Aziz amat berkomitmen dalam bidang pendidikan dan politik Islam. Walaupun beliau berada di barisan pihak pembangkang, namun hal ini tidak menjadikan beliau seorang yang mudah berputus asa menghadapi lumrah hidup sebagai seorang pemimpin dan ahli politik. Ia amat memerlukan kesungguhan dan kecekapan dalam setiap kepimpinan yang dijalankan. Sebagai seorang menteri besar, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat telah menjalankan reformasi ke atas dasar kepimpinan yang berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah dalam pelbagai aspek iaitu dalam aspek ekonomi, sosial dan politik.

Di samping itu, rintangan yang beliau sering hadapi dan tidak terlepas daripada pelbagai kritikan dan tidak hilang dari tengah-tengah individu yang ingin menjatuhkan beliau serta mencari kesilapan untuk melemahkan beliau dalam pelbagai perkara melalui agenda agenda tertentu sama ada dalam bentuk kepimpinan, pertalian keluarga atau dalam soal pendakwaan. Bagi rakyat Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz dianggap sebagai ‘simbolik’ di negeri

Kelantan. Disebabkan keunikan dan keperibadian beliau, beliau dapat mengekalkan prestasi kedudukan beliau dalam bidang pendakwaan serta politik lebih dari tiga tekad. Fatwa dan buah fikiran Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat seringkali digunakan pakai oleh segenap lapisan masyarakat. Kesederhanaan dalam mengeluarkan pandangan berpandukan pada ketinggian ilmu tanpa sikap taksubnya menyebabkan pemikiran beliau dalam menyebarkan dakwah perlu diketengahkan (Jamal Mohd Lokman Sulaiman, 2006).

Oleh itu, legasi terbesar Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, usaha beliau menterjemahkan prinsip dan ajaran Islam di dalam konteks bernegara. Seawal pemerintahan beliau pada 1990, berusaha melakukan reformasi pentadbiran dan memperkenalkan dasar dan inisiatif pro kebajikan rakyat bagi memperlihatkan antara langkah awal pendekatan dakwah yang dilakukan oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz ialah dengan melakukan perkara-perkara yang mudah seperti memperkenalkan “Adab Islam” (Yusri Yusoff, 1995).

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk penyelidikan kualitatif. Menurut Ahmad Munawar ismail & Mohd Nor Shahizan Ali (2012) Penyelidikan kualitatif bermaksud suatu kaedah meneroka dan memahami individu atau kumpulan yang terlibat dengan masalah atau fenomena manusia dan masyarakat (konteks). Pendekatan kajian kualitatif juga merujuk kepada kajian yang menggunakan data berbentuk bukan angka mahupun kategori. Data adalah berbentuk kualitatif seperti teks, video, foto, transkrip perbualan atau percakapan yang diambil secara langsung di lapangan atau semasa temu bual untuk memahami fenomena sosial yang dikaji. Justeru itu, bagi mendapatkan hasil kajian yang baik dan tepat. Oleh itu, pengkaji menggunakan penyelidikan kualitatif, di dalam kajian ini adalah berdasarkan tajuk tentang Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam pemikiran pentadbiran dan pendekatan dakwah terhadap masyarakat.

Dapatan Kajian

Pemikiran Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat adalah selaras dengan kehendak Islam, langkah pendekatan pertama yang dilakukan oleh beliau ialah mengisytiharkan bahawa corak pemerintahan dan pentadbiran serta undang-undang di Negeri Kelantan adalah Islam. Sehubungan dengan itu, beliau mengingati kepada semua Yang Berhormat bahawa Dewan Undangan Negeri atau parlimen bukanlah satu tempat untuk mengadakan undang-undang atau peraturan baru kononnya belum wujud. Tegasnya lagi, undang-undang dan peraturan manusia telah pun ada, iaitu diadakan oleh Allah swt yang telah menciptakan manusia itu sendiri (Ahmad Safuan Bin Abd Rahman, 2017). Antara pemikiran beliau yang dicorakkan semasa pentadbirannya ialah:

i. Memperkenalkan Adab Islam

Selain hasrat untuk melaksanakan hukum hudud, corak pentadbiran kerajaan negeri juga mengalami perubahan. Tuan Guru Nik Abdul Aziz mengarahkan supaya semua majlis dimulakan dengan membaca surah Al-fatihah dan mengakhirinya dengan Surah Al-Asr dan Tasbih Kaffarah, manakala tempat duduk dif-dif perempuan dan lelaki diasingkan dan jamuan-jamuan rasmi diselaraskan dengan waktu solat. Kalau sebelum ini jamuan diadakan sekitar jam dua

hingga empat petang, namun kini telah diubah kepada selepas solat Asar dan majlis mesti ditamatkan sebelum maghrib. Mengikut Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, perkara ini paling senang dilaksanakan kerana ia tidak memerlukan peruntukan kewangan. Tujuan adab ini diperkenalkan adalah untuk menjadikan semua majlis dan aktiviti pentadbiran sebagai ibadat yang berguna serta mendapat keberkatan Allah swt (Atiff Zayyad Idris, 2015).

Selain itu, peraturan ini kemudiannya disusuli dengan mengadakan gerakan kesedaran Islam kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, pekerja kilang dan kemudiannya di perluaskan kepada masyarakat umum. Pemupukan ini dibuat melalui dakwah, tarbiah dan penguatkuasa undang-undang. Usaha mendidik hati dan mewujudkan suasana takwa, amanah, bersih dan bertanggungjawab dalam kalangan kakitangan.

ii. Mewujudkan Persekitaran Kondusif

Dalam usaha mewujudkan persekitaran Islam serta bagi membolehkan rakyatnya beribadat dengan tenang dan selesa, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat telah mengistiharkan Jumaat dan Sabtu sebagai hari cuti mingguan mulai 1 Januari 1996. Penguatkuasaan waktu bekerja baru ini bermakna semua jabatan dan agensi kerajaan Kelantan bekerja lima hari seminggu iaitu Ahad hingga Khamis. Langkah menguatkuasakan cuti Jumaat dan Sabtu adalah bagi membolehkan kakitangan kerajaan menggunakan hari-hari tersebut untuk menuntut ilmu dan sebagainya (Ahmad Safuan Bin Abd Rahman, 2017).

Untuk merealisasikan Jumaat sebagai hari menuntut ilmu, kerajaan menyediakan program majlis- majlis ilmu di setiap masjid dan pusat-pusat tarbiyah di seluruh negeri. Selain itu, program menuntut ilmu ini juga dijalankan oleh para pendakwah halaqah pada setiap malam. Sementara cuti Sabtu adalah untuk memberi kelegaan berfikir kepada orang ramai untuk merancang sesuatu bagi kepentingan keluarga (Ahmad Safuan Bin Abd Rahman, 2017).

iii. Pengurusan Efektif

Untuk melaksanakan pengurusan yang efektif dalam sektor hutan, kerajaan negeri telah melaksanakan konsep tender terbuka untuk kegiatan pembalakan, menggantikan tender runding yang damalkan sebelumnya. Konsep baru ini dapat menghindarkan daripada berlau monopoli oleh syarikat-syarikat besar yang dibayangi individu yang berpengaruh termasuk pihak istana.

Oleh yang demikian, bagi mengelakkan daripada gejala rasuah, Menteri Besar menghapuskan amalan pemberian hadiah kepada pegawai kerajaan dan memberi amaran keras akan memecat sesiapa sahaja kakitangannya yang terlibat dengan rasuah. Bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa kerajaan untuk kepentingan parti tertentu, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat melarang penggunaan jentera dan harta kerajaan negeri untuk kepentingan parti di dalam pilihanraya oleh orang politik yang berada dalam pentadbiran kerajaan (Ahmad Safuwan , 2017).

iv. Tabung Serambi Mekah

Bagi menampung kewangan negeri pula, Kerajaan telah menubuhkan Tabung Serambi Mekah. Objektif utama penubuhannya adalah untuk membolehkan kerajaan negeri memberi bantuan dan pertolongan kepada golongan fakir miskin, mangsa-mangsa malapetaka dan bencana alam serta melaksanakan aktiviti-aktiviti kebajikan, menjalankan program dan projek-projek pembangunan Islam dalam negeri bagi meningkatkan syiar Islam, seterusnya untuk membina insan bertaqwa (Ahmad Safuan Bin Abd Rahman, 2017).

v. Pentadbiran Sederhana

Semasa Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat mengambil alih pemerintahan Kelantan daripada Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Kelantan mewarisi hutang sebanyak RM753 juta daripada pentadbiran terdahulu termasuk RM 10 juta untuk membayar bunga tahunan (Harakah,16 Dis,2004). Kerajaan Pusat enggan menyerahkan geran wajib kepada Kelantan kecuali ia mampu membayar hutangnya. Bagi mengatasi masalah kewangan ini. Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat mengambil beberapa langkah memajukan paras sosio ekonomi yang rendah dengan menggunakan sumber-sumber sendiri melalui pengurusan bijak daripada tabung ekonomi negeri (Buletin, Julai, 1998). Antaranya ialah mewujudkan pentadbiran sederhana bersesuaian dengan konsep ketakwaan dan mengelakkan pembaziran.

Langkah pertama dalam dasar berjimat cermat ini ialah dengan mengarahkan para Exco supaya tidak membeli kereta baru, pegawai-pegawai kanan pula diarahkan menggunakan kereka Proton Perdana menggantikan Mercedes Benz yang digunakan sebelum ini, memotong pelbagai elaun Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar, dan Exco-exconya. Selain itu, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat menghidupkan kembali budaya gotong royong yang pernah menjadi kebanggaan masyarakat Melayu. Melalui konsep ini jalan-jalan kecil, jambatan dan sebagainya dibina melalui konsep ini jalan-jalan kecil, jambatan dan sebagainya dibina melalui konsep gotong royong di mana bahan-bahan pembinaan disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Daerah dan kerja-kerja pembinaan dilakukan penduduk kampung. Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, juga menghentikan amalan berlumba-lumba menghabiskan peruntukan tahunan kerana baginya, “kalau dah tak habis, biarkanlah dan boleh digunakan untuk tahun berikutnya, bukannya basi” (Surtahman Kastin Hassan, 2004).

vi. Menghapus Riba

Untuk mewujudkan sistem ekonomi tanpa riba Tuan Guru Nik Abdul Aziz memindahkan wang kerajaan negeri daripada bank-bank konvensional ke dalam bank tanpa riba. Ini dilakukan secara berperingkat-ringkat dimulai dengan memindahkan akaun simpanan tetap ke Bank Islam, 1 Januari 1991. Langkah-langkah lain dalam program pembangunan ekonomi Islam ini termasuklah memperkenalkan pinjaman tanpa riba kepada kakitangan kerajaan negeri, serta mengadakan akaun berasingan untuk hasil daripada sumber Islam (halal) dan sumber yang bukan Islam (haram) (Mohd Aizat, et al, 2011).

Selain itu, sistem gadaian konvensional yang mengandungi amalan riba dan eksploitasi telah ditamatkan oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Sebagai alternatif, Ar –Rahn telah ditubuhkan pada 12 Mac 1992 dan merupakan Sistem Gadaian Islam yang pertama di Malaysia.

Melalui kewujudan sistem Ar-Rahn ini, maka mulai tahun 1995 kerajaan Kelantan membatalkan semua lesen premis pajak gadai yang menggunakan sistem riba. Oleh itu, pengusaha pajak gadai yang mahu meneruskan perniagaan mereka hendaklah mengikut model Ar-Rahn walaupun mereka daripada golongan bukan Islam. (Shahir Sulaiman, 2015).

Perbincangan

Sebagai umat Nabi Muhammad saw yang diberikan akal fikiran oleh Allah swt untuk sentiasa merenung segala ciptaan Allah swt kita dilahirkan dan dibesarkan mengikut acuan agama hasil didikan sejak dari zaman nenek moyang lagi. Hasil didikan ibu-bapa iaitu dari segi kelakuan, perwatakan, percakapan dan sebagainya adalah mencerminkan diri individu itu sendiri. Kita sebagai individu itu sendiri amat mudah terpengaruh dengan dunia luar dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah.

Seperti yang kita ketahui, sebagai contoh yang perlu kita ambil daripada tokoh Islam yang berpengaruh iaitu Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat merupakan ulama yang wara' dan zuhud serta karismatik dan dihormati. Pakaian wajib yang beliau akan selalu pakai ialah jubah bersama serban. Didikan yang diterima Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat daripada ayahnya sendiri iaitu Tuan Guru Haji Nik Mat Raja Banjar. Beliau seorang yang cintakan ilmu sehingga mempelajari ilmu ke beberapa buah negara dan fasih berkomunikasi dalam Bahasa Arab, Urdu, Inggeris dan Tamil.

Selain itu, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat yang dijelaskan di atas ialah amat sesuai dijadikan contoh teladan ikutan dalam diri kita seperti contoh perwatakan yang ditunjukkan oleh beliau bagaimana beliau didik banyak mementingkan akhirat daripada dunia ataupun seimbang dengan dunia mahupun akhirat Perwatakan, kelakuan beliau kini ramai diambil contoh dan ikutan, sebagai contoh ceramah beliau sentiasa dipenuhi oleh orang ramai yang diadakan setiap hari Jumaat dan selain itu ceramah yang diadakan di masjid-masjid atau surau-sarau yang berdekatan.

Di samping itu, masyarakat juga haruslah melihat atau membaca karya-karya sama ada dalam buku yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh ulamak yang disegani pada masa kini untuk menambah ilmu pengetahuan untuk dan mengenali dengan lebih dekat sejurus mempraktikkan sesama masyarakat yang lain. Tujuannya dapat memudahkan masyarakat memahami dan menghayati setiap ilmu yang disampaikan agar menjadikan masyarakat yang berilmu dan berdaya saing. Seperti karya-karya Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam ekonomi, pentadbiran dan sebagainya.

Oleh hal demikian, penulis menyarankan, dengan mencontohi perwatakan atau segala perilaku yang ditonjolkan ulama-ulama mahupun guru-guru yang tinggi ilmunya serta baik budi pekertinya seperti Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat tersebut amat sesuai kita tanamkan dalam diri kita serta dijadikan role model agar dapat dijadikan harapan atau ikutan oleh generasi-generasi kita pada masa hadapan.

Kesimpulan

Hasil daripada perbincangan di atas, penulis dapatlah disimpulkan, perubahan demi perubahan yang telah dilakukan oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat terhadap masyarakat terutamanya terhadap kerajaan negeri Kelantan yang mencerminkan bahawa niat beliau untuk melaksanakan dakwah dalam pentadbiran Islam di Kelantan bukanlah satu janji politik semata-mata. Sebaliknya pelaksanaan tersebut merupakan satu perintah daripada Allah swt kepada umat manusia.

Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat bersama barisan pimpinan Kelantan mencuba sedaya upaya untuk mengadakan Islamisasi segala aspek yang berkaitan dengan pergerakan manusia, seperti mengIslamkan sistem pentadbiran, politik, ekonomi, sosial dan pendidikan. Walaupun perubahan tersebut membuka ruang kepada kritikan dan cemuhan, namun dari sehari-ke sehari kerajaan negeri Kelantan berjaya melangkah ke hadapan mencapai matlamat murni iaitu “Membangun Bersama Islam”. Oleh itu, setiap kata-kata beliau mampu memotivasikan sekeping hati daripada gelap menjadi cerah ia juga mampu menjadi sebab menyinari hati-hati insan yang berusaha mencari asbab untuk berubah lebih baik.

Rujukan

- Abdul Aziz Mohd Zin. (1997). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdul Syukur Haron. (2009). *Kemilau Pribadi Nik Abdul Aziz Nik Mat*. Batu Caves, Kuala Lumpur: Kemilau Publika Sdn. Bhd.
- Abdullah Bameih. (1980). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman kepada pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Agama Islam (BAHEIS).
- Abu 'Urwah. (1999). *Konsep-konsep Umum Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Ahmad Abdul Aziz Al-Mazini. (1989). *Panduan Mengeluarkan Zakat*. Petaling Jaya.
- Ahmad Safuan Bin Abd Rahman. (2017). *Pendekatan Dakwah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam pentadbiran di Kelantan*. Selangor: KUIS.
- Ahmad Safuwan . (2017). Pendekatan Dakwah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Pentadbiran Di Kelantan. 33-36.
- Alias Mohamad . (1984). *Gerakan Sosial dan Politik Kelantan*. Kuala Lumpur: Insula Publishing House.
- Astro Awani. (2015, Februari 12). *Mursyidul Am Pas Nik Aziz Nik Mat Meninggal Dunia*. Retrieved from www.astroawani.com
- Atiff Zayyad Idris. (2015). *FAJAR ISLAM*. Kota Bharu, Kelantan: Aspirasi Chendana.
- Dr. Wan Nik Wan Yusof. (2015). *Legasi Tok Guru Politik & Dakwah*. Kuala Lumpur: Pustaka Aman Press.
- Ensiklopedia islam*. (2004). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hamimah. (2017). Metodologi Penafsiran Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Surah Al-Furqan. 34.
- Ismail & Syukri Ahmad. (2011). Pembangunan Islam Menurut Tuan Guru Dato Nik Abdul Aziz Nik Mat. *Nadwah Ulama Nusantara*. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, UKM.

- Jamal Mohd Lokman Sulaiman. (1991). *Biografi Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz*. Selangor: Sulfa Human Resources & Development.
- Kamal Azmi, et al. (2015). *Metodologi Penyelidikan*. Bandar Baru Bangi.
- Kamus Besar Bahasa. (1990). *Kamus Besar Bahasa*. Balai pustaka: Jakarta.
- Kamus Dewan Edisi Empat. (2017). *Kamus Dewan Edisi Empat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2017). Retrieved from Dewan Bahasa dan Pustaka: <http://prpm.dbp.gov.my>
- M. Amiro Safwan , et al. (2015). *Bicara Ini Untuk Murabbi*. Selangor Darul Ehsan: Grup Buku Kraftangan sdn.bhd.
- Mohammad Hafiz Mat Tajuddin. (2006). *Kota Bharu Bandar Raya Islam*. Kelantan.
- Mohd Aizat et al. (2011). *Pemikiran Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat*. Batu Caves, Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn,Bhd.
- Mohd Rashidi Hassan. (2012, november 20). *Nik Aziz Pemimpin Islam Ke 42 Paling Berpengaruh di Dunia*. Retrieved from ibnuwafi.blogspot.com
- Muhammad Ariffin. (1991). Psikologi Dakwah: Suatu Pengantar Stidu. *Psikologi Dakwah*.
- Muhammad Hafiz Mat Tajudin. (2006). Kota Bharu Bandar Raya Islam. 43.
- Muhammad Qayyim Bin A.Badaruddin. (2015). *Keagungan Cinta Murobbi*. Senawang, Negeri Sembilan.
- Muhammad Yusuf Marlon, et al. (2016). *Metodologi Dakwah Kepada Bukan Muslim*. Kajang, Selangor: Jabatan Dakwah Dan Pengurusan Akademik Islam.
- N.Abd Rahman. (2017). Fikrah Murabbi Membangun Bersama Islam " Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat'. 17.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat. (2015). *Asmaul Husna*. Sg, Buloh, Selangor: Kemilau Publika Sdn. Bhd.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat. (1995). *Asas Pentadbiran Islam*. Kota Bharu : Pusat kajian Strategik.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat. (1995). Islam Boleh, Kelantan : Maahad Muhammadi. 103 hingga 110.
- Nik bdul Aziz Nik Mat. (1931). *2 Jalan Dunia: Himpunan cebisan kata berinspirasi*. Sg. Buloh, Selangor: Kemilau Publika.
- Nik Yusri Bin Musa. (2010). Hj. Nik Abd Aziz Bin Nik Mat: Pandangan Sisi Sebagai Ulama Hadis. 7.
- Nor Hayati Fatmi Binti Talib, et al. (2015). Al-Quran dan As-Sunnah Teras Ketamadunan Manusia. 1.
- Novri Hardian. (2007). Dakwah Dalam Perspektif Al Quran Dan Hadith.
- Prof. Madya Dr Shukeri Mohamad, et al. (2016). Tok Guru Nik Aziz Pencetus Siasah Syar'iyah Dalam Sistem Politik Moden. *International Fiqh Conference*. Kota Bharu: Akademi Pengajian Islam Universiti.
- Rostam. (2015). *Keturunan Raja Jembal*. Retrieved from rostam97.tripod.com
- Sassuliza Bt Muhmad. (2008). Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat: Tokoh pendakwah dan politik islam negeri Kelantan, Universiti Malaysia Sabah. *Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat: Tokoh pendakwah dan politik islam negeri Kelanta*.
- Sayyid Sa'd Akhbar Rizvi. (2003). *Konsep Kepimpinan (Al-Imamah) dalam Islam, Dar Al- Islam Tanzania*. Dar Islam Tanzania.
- Shahir Sulaiman. (2015, 2 19). Legasi Pemikiran Ekonomi Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat.
- Shahrul Faizaz. (2007). Kefahaman Tentang Konsep Asas Dakwah Dan Metodologi Dakwah Islamiyah di Kalangan Pelajar Agama. *Konsep Asas Dakwah Dan Metodologi Dakwah Islamiyah*.

- Shukeri Mohamad, et al. (2016). Aplikasi Maqasid Syariah dalam pentadbiran Kerajaan Kelantan dari tahun 1990 Hingga 2013: Satu Analisis. 141.
- Surtahman Kastin Hassan. (2004). *Pemikiran Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Ekonomi*. Kajang: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tarmizi Mohd Jan. (1991). *Cabaran dan Visi: mampukah Ulama mentadbir*. Kuala Lumpur: G.G. Edar.
- Tarmizi Mohd Jan. (1991). *Cabaran Dan Visi: Mampukah Ulama mentadbir*. Kuala Lumpur.
- Tengku Iskandar. (1996). *Kamus Dewan, Ed 3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Teuku Iskandar. (1996). *Kamus Dewan. Ed. 3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. (1996). *Pemikiran Dalam Ekonomi*. Universiti Malaya.
- Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. (2012). *Bunga Kebahagiaan*. Batu Caves, Kuala Lumpur: Kemilau Publika Sdn. Bhd.
- Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. (2013). *Bicara Ini Demi Ilahi*. Shah Alam .Selangor: Karya Bestari.Sdn. Bhd.
- Wan Ji Wan Hussin. (2010). *Keuhudan Umar Abdul Aziz & Kesederhanaan Nik Abdul Aziz*. Batu Caves, Selangor.
- Yusri yusoff. (1995). *Kelantan penentu agenda politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Daisini Communications.
- Yusuf al Qardhawi. (1983). *Thaqafah al-Dai'yah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.